



**GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PENCALONAN  
KURNIAAN PINGAT**

1. **PENCALONAN PINGAT SULTAN IBRAHIM  
PANGKAT KEDUA (P.S.I. II)**
  - 1.1. **Bagi Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Johor dan Pegawai Agama Negeri:**
    - 1.1.1. telah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Johor tidak kurang dari **15 tahun**
    - 1.1.2. telah mencapai sekurang-kurangnya **Gred N44**
    - 1.1.3. telah berkhidmat dengan cemerlang dan berbakti kepada masyarakat
    - 1.1.4. bebas dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
    - 1.1.5. bebas dari tindakan tatatertib.
  - 1.2. **Bagi Kakitangan Kerajaan termasuk Kerani, Imam dan Penghulu:**
    - 1.2.1. telah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Johor tidak kurang dari **25 tahun**
    - 1.2.2. berusia tidak kurang dari **55 tahun** pada tarikh pencalonan dibuat
    - 1.2.3. telah berkhidmat dengan cemerlang
    - 1.2.4. berbakti kepada masyarakat
    - 1.2.5. sekurang-kurangnya memegang jawatan Tingkatan Kanan
    - 1.2.6. bebas dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
    - 1.2.7. bebas dari tindakan tatatertib.

1.3. **Bagi Ketua Kampung, Imam Kampung dan Naib Kadi:**

- 1.3.1. telah berkhidmat tidak kurang **20 tahun** tidak termasuk tempoh perkhidmatan dalam jawatan yang disandang sebelumnya
- 1.3.2. berusia sekurang-kurangnya **50 tahun** pada tarikh pencalonan dibuat
- 1.3.3. salinan susrat perlantikan Ketua Kampung dan Surat Tauliah bagi Imam Kampung dan Naib Kadi disertakan dan disahkan oleh Pegawai Daerah
- 1.3.4. berkhidmat dengan cemerlang dan berbakti kepada masyarakat
- 1.3.5. bebas dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
- 1.3.6. bebas dari tindakan tatatertib.

1.4. **Bagi Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan:**

- 1.4.1. telah berkhidmat di Negeri Johor tidak kurang dari **6 tahun**
- 1.4.2. jumlah perkhidmatan tidak kurang **20 tahun**
- 1.4.3. berusia tidak kurang dari **50 tahun** pada tarikh pencalonan
- 1.4.4. berkhidmat dengan cemerlang dan berbakti kepada rakyat
- 1.4.5. bebas dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
- 1.4.6. bebas dari tindakan tatatertib.

1.5. **Bagi Anggota Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia:**

- 1.5.1. telah berkhidmat di Negeri Johor tidak kurang dari **10 tahun**
- 1.5.2. jumlah perkhidmatan tidak kurang dari **20 tahun**
- 1.5.3. berkhidmat dengan cemerlang dan berbakti kepada masyarakat
- 1.5.4. sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau setaraf
- 1.5.5. bersih dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
- 1.5.6. bersih dari tindakan tatatertib.

1.6. **Bagi Ahli-Ahli Parti Siasah:**

- 1.6.1. berusia tidak kurang **55 tahun** pada tarikh pencalonan dibuat
- 1.6.2. mengambil bahagian aktif dalam jawatankuasa peringkat negeri atau cawangan sekurang-kurangnya **20 tahun**
- 1.6.3. berbakti dan memberi sumbangan yang berkesan kepada Parti dan masyarakat
- 1.6.4. bukti taat setia kepada parti misalnya tidak melompat antara satu parti dengan parti yang lain
- 1.6.5. bersih dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
- 1.6.6. bersih dari tindakan tatatertib parti.

1.7. **Bagi Ahli-Ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO)**

- 1.7.1. berusia tidak kurang **55 tahun** pada tarikh pencalonan dibuat
- 1.7.2. berkhidmat secara aktif sekurang-kurangnya sebagai Ahli Jawatankuasa Badan itu dan berkhidmat tidak kurang **20 tahun**
- 1.7.3. bukti berjasa kepada masyarakat dengan pengesahan Pegawai Daerah
- 1.7.4. bersih dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
- 1.7.5. bersih dari tindakan tatatertib.

2. **PENCALONAN PINGAT SULTAN IBRAHIM PANGKAT KETIGA (P.S.I III)**

- 2.1. berusia tidak kurang **55 tahun**
- 2.2. berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang **25 tahun**
- 2.3. bukti berjasa kepada masyarakat dengan pengesahan daripada Ketua Jabatan
- 2.4. bersih dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
- 2.5. bersih dari tindakan tatatertib.

3. **PENCALONAN PINGAT LAMA DAN BAIK DALAM PERKHIDMATAN (P.L.P):**
  - 3.1. kakitangan Kerajaan Negeri Johor yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan taat setia kepada Kerajaan Negari selama tidak kurang **30 tahun**
  - 3.2. berusia tidak kurang **58 tahun**
  - 3.3. bukti berjasa kepada masyarakat dengan pengesahan daripada Ketua Jabatan
  - 3.4. bersih dari tuduhan jenayah termasuk rasuah dan jenayah syariah
  - 3.5. bersih dari tindakan tatatertib.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
JOHOR BAHRU.**